

# **Mikro Kredit Daripada Dana Zakat Di Baitul Mal Aceh : Analisis Daripada Perspektif Undang-Undang**

Nurul Ilyana Muhd Adnan  
Pusat Fiqh Kontemporari & Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM  
ilyana\_adnan@ukm.edu.my

## **Abstrak**

Artikel ini bertujuan menganalisis secara teoritikal pengagihan dana zakat kepada penerima zakat dalam bentuk mikro kredit. Agihan zakat secara mikro kredit bermaksud agihan diberikan kepada asnaf dalam bentuk pembiayaan modal. Agihan tersebut diberikan kepada asnaf yang ingin memulakan perniagaan atau mengembangkan perniagaan. Persoalannya, apakah ada peruntukan undang-undang yang membenarkan zakat diagihkan dalam bentuk mikro kredit di Baitul Mal Aceh? Berdasarkan dapatan analisis mempamerkan bahawa Peruntukan Undang-Undang Indonesia No. 38 Tahun 1999 mengenai Pengelolaan Zakat tidak terpakai di Aceh. Ini kerana Aceh ada kuasa autonomi tersendiri. Terdapat Undang-Undang No. 44 Tahun 1999, iaitu Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh telah dikuatkuasakan. Aceh diberikan keistimewaan untuk melaksanakan syariat Islam dalam kehidupan rakyatnya yang beragama Islam.

**Kata kunci:** Mikro kredit, Dana Zakat, Baitul Mal Aceh, Undang-undang

## **Pengenalan**

Sesuatu perkara yang akan dilaksanakan dalam sesebuah negara perlu ada peruntukan undang-undang. Begitu juga di Aceh. Terdapat beberapa Rang Undang-undang yang perlu dipatuhi oleh Baitul Mal Aceh (BMA) berkaitan dengan pungutan dan pengagihan zakat produktif.

Walau bagaimanapun, peruntukan Undang-Undang Indonesia No. 38 Tahun 1999 mengenai Pengelolaan Zakat tidak terpakai di Aceh kerana Aceh ada kuasa autonomi tersendiri. Hal ini kerana terdapat Undang-Undang No. 44 Tahun 1999, iaitu Penyelenggaraan Keistimewaan Provinsi Daerah Istimewa Aceh telah dikuatkuasakan. Aceh diberikan keistimewaan untuk melaksanakan syariat Islam dalam kehidupan rakyatnya yang beragama Islam. Peruntukan ini dikukuhkan lagi dengan Peraturan Daerah (PERDA) No. 5 Tahun 2000 yang memberi kuasa kepada Aceh untuk menubuhkan Badan Baitul Mal sendiri.

Hasil daripada analisis, artikel ini akan membincangkan dua perkara. Pertama undang-undang zakat di BMA. Kedua, peruntukan undang-undang tentang agihan zakat di BMA.

## **Undang-Undang Zakat Di Baitul Mal Aceh**

Undang-Undang No. 44 Tahun 1999 mewujudkan perbezaan dalam pentadbiran undang-undang mengenai zakat di Aceh berbanding wilayah-wilayah lain di Indonesia. Fungsi Badan Amil

Zakat Daerah (BAZDA) di Aceh berbeza dengan fungsi BAZDA dalam Undang-undang No. 38/1999 di peringkat nasional. BAZDA di Aceh ditubuhkan dalam setiap peringkat provinsi yang berada di bawah kuasa pentadbiran Baitul Mal yang merupakan Lembaga Pengelola Zakat Daerah.

Baitul Mal turut berperanan sebagai institusi zakat yang mengelola di peringkat daerah di Aceh. Fasal 14 (1) dan (2) Undang-Undang No. 44 Tahun 1999, menyatakan bahawa pengurusan Baitul Mal di peringkat daerah ditadbir di bawah kuasa Pemerintah Daerah:

“Pemerintah Daerah dapat membentuk dan mengatur organisasi Baitul Mal. Pembentukan organisasi Baitul Mal ditetapkan dengan Keputusan Gubernur.”

Secara terperinci di Provinsi Aceh, Baitul Mal ditubuh melalui Keputusan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 18 Tahun 2003 pada 16 Julai 2003. Peruntukan dalam Keputusan Gabenor ini merangkumi penubuhan organisasi dan tata kerja badan-badan Baitul Mal di seluruh Aceh sama ada peringkat provinsi, kabupaten/kota atau gampong.

Selain itu, Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah (BAZIS) turut dilantik melalui Keputusan Gabenor di atas. BAZIS bertanggungjawab menjadikan zakat sebagai salah satu sumber Pendapatan Asli Daerah (PAD) dengan kekuatan 98.87 peratus rakyat Muslim Aceh (Aceh Dalam Angka, 2006). Wang zakat ini penting untuk bantuan kewangan kepada masyarakat miskin dan asnaf-asnaf zakat yang lain.

Baitul Mal Aceh mula beroperasi pada 13 Januari 2004. Ini selari dengan penggubalan Qanun Aceh No.7 Tahun 2004 tentang Pengelolaan Zakat. Qanun tersebut menyatakan badan yang berkuasa mengelola harta agama daripada sumber zakat, infaq, sedekah, waqaf, wasiat, warisan, hibah dan lain-lain adalah Baitul Mal. Undang-undang No. 11 Tahun 2006 memberi kuasa yang lebih luas kepada Baitul Mal Aceh. Selain bertanggung jawab mengelola zakat, Baitul Mal juga bertanggung jawab mengelola harta wakaf dan harta agama lainnya. Sebenarnya, Undang-undang No. 11 Tahun 2006 ini mengukuhkan lagi undang-undang terdahulu.

Penggubalan dan penguatkuasaan Qanun Aceh No.10 Tahun 2007 telah memansuhkan Qanun No. 7 Tahun 2004. Qanun ini telah menambah peruntukan tentang pengelolaan zakat di peringkat negeri/provinsi, kabupaten/kota, kemukiman dan gampong (kampung). Ini menunjukkan bidangkuasa Baitul Mal lebih luas berbanding Badan Amil Zakat Daerah (BAZDA). Peruntukan ini terdapat dalam Fasal 27 Keputusan Menteri Agama No. 373 Tahun 2003. Qanun No. 7 Tahun 2004 terhad kepada zakat, infaq, sedekah, hibah, wasiat, waris dan kaffarah sahaja. Manakala Qanun Aceh No.10 Tahun 2007 telah menetapkan Baitul Mal sebagai amil yang berkuasa mentadbir harta zakat, wakaf dan agama dalam skop yang luas sehingga turut berperanan sebagai ketua pengawas.

Di samping itu, struktur organisasi, hubungan hierarki dan mekanisme kerja Baitul Mal dijelaskan dalam Peraturan Gabenor No. 92 Tahun 2008. Menurut peraturan tersebut, struktur organisasi Baitul Mal yang ada di wilayah Kabupaten/Kota dan Unit-unit Pengumpul Zakat (UPZ) yang merupakan cawangan Baitul Mal tidak mempunyai hubungan hirarki dengan Baitul Mal Provinsi. Baitul Mal Provinsi hanya bertindak sebagai pembina dan pembimbing Baitul

Mal Kabupaten/Kota. Oleh itu, Baitul Mal di Kabupaten/Kota merupakan institusi autonomi yang dapat mengurus sendiri dana-dana zakat yang terdapat di daerah masing-masing.

Dengan itu, tidak menghairankan dalam Qanun Baitul Mal Aceh No 10/2008 memperuntukkan zakat boleh diagih dalam bentuk berbeza untuk meningkatkan produktiviti dan mengembangkan serta membangunkan dana zakat seperti pemberian modal usaha kepada fakir miskin. Hal ini dapat membantu golongan fakir miskin memperbaiki taraf kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.

Kesimpulannya Baitul Mal Aceh bukan sahaja menguruskan hasil daripada sumber- sumber zakat bahkan menguruskan hasil daripada harta wakaf, hibah, nazar, amanah, pusaka, kafarat dan fidyah. Bahkan, ZIS pernah digunakan oleh LKMS Aceh sebagai pinjaman secara *bay' al-qirad* kepada asnaf bagi memulakan perniagaan. Bantuan ini diberi kepada asnaf yang baru memulakan perniagaan termasuk yang pernah gagal dalam perniagaan. Jelasnya BAZIS pernah mengagihkan zakat produktif dalam jumlah tertentu antara tahun 1993 hingga 2003 walaupun sebelum penubuhan rasmi Baitul Mal Aceh pada tahun 2004.

### Peruntukan Undang-Undang Tentang Agihan Zakat Di Baitul Mal Aceh

Baitul Mal Aceh mentadbir urusan zakat berpandukan undang-undang yang ditetapkan. Terdapat enam undang-undang tentang agihan zakat. Secara umum undang-undang tersebut meliputi empat perkara. Secara ringkasnya isu berkaitan undang-undang tentang agihan zakat produktif dapat dilihat dalam Jadual 5.1.

**Jadual 5.1 Ringkasan Undang-undang Tentang Agihan Zakat Produktif**

| Perkara              | Qanun No. 7/2004 | Qanun No. 10/2007 | Undang-undang No. 38/1999 | Surat Menteri No. 38/1999 | Surat Gabenor No. 18/2003 | Surat Edaran Dewan Syariah Baitul Mal Aceh |
|----------------------|------------------|-------------------|---------------------------|---------------------------|---------------------------|--|
| Kuasa mengagih zakat | Fasal 9 (3)      | Fasal 29 (3)      |                           | Fasal 14                  | Fasal 29                  |  |
|                      | Fasal 10 (2)     |                   |                           |                           | Fasal 31                  |  |
|                      |                  |                   |                           |                           | Fasal 32                  |  |
| Jenis agihan         | Fasal 9 (1)      |                   |                           |                           |                           | 01/DS/V/2006 No.3                          |
|                      | Fasal 9 (2)      |                   |                           |                           |                           | 01/DS/V/2006 No.4                          |
|                      |                  |                   |                           |                           |                           | 01/DS/V/2006 No.5                          |
| Agihan Produktif     |                  | Fasal 29 (1)      | Fasal 16 (2)              | Fasal 28                  |                           |  |
|                      |                  | Fasal 29 (3)      | Fasal 17                  | Fasal 29                  |                           |  |

|                           |  |              |  |  |  |                      |
|---------------------------|--|--------------|--|--|--|----------------------|
| Syarat<br><i>mustahiq</i> |  | Fasal 29 (1) |  |  |  | 01/DS/V/2006<br>No.2 |
|                           |  | Fasal 29 (2) |  |  |  |                      |

Jadual 5.1 mempamerkan qanun dan undang-undang berkaitan zakat produktif. Secara umumnya fokus qanun dan undang-undang berkaitan zakat produktif ini boleh dibahagikan kepada empat bahagian. Pertama, bidang kuasa mengagih zakat. Kedua, jenis agihan. Ketiga, agihan produktif. Keempat, syarat *mustahiq* yang layak menerima bantuan produktif.

Bidang kuasa mengagih zakat disebut dalam Fasal 9 (3) dan Fasal 10 (2) Qanun No.7 Tahun 2004. Selain itu, Fasal 29 (3) Qanun No. 10/2007, Fasal 14 Surat Menteri No. 38 Tahun 1999 dan Fasal 29, Fasal 31 dan Fasal 32 Surat Gabenor No. 18 Tahun 2003 juga menyebut tentang bidangkuasa Baitul Mal dalam pengagihan zakat.

Perkara tentang peratusan agihan yang dibuat oleh Baitul Mal Aceh pula disebut dalam Fasal 9 (1) dan Fasal 9 (2) Qanun No.7 Tahun 2004 dan Surat Edaran Dewan Syariah 01/DS/V/2006 (No.3, No.4 dan No.5). Perkara berkaitan agihan produktif pula disebut dalam Fasal 29 (1) dan Fasal 29 (3) Qanun No. 10 Tahun 2007. Turut menyebut tentang agihan produktif ialah Fasal 28 dan Fasal 29 Surat Menteri No. 38 Tahun 1999. Di samping itu, perkara berkaitan syarat-syarat *mustahiq* yang layak menerima bantuan modal disebut dalam Fasal 29 (1) dan Fasal 29 (2) Qanun No. 10 Tahun 2007 dan Surat Edaran Dewan Syariah 01/DS/V/2006 No.2.

### **Kuasa Mengagih Zakat**

Peruntukan undang-undang tentang kuasa mengagih zakat disebut dalam Fasal 9 (3), Fasal 10 (1) dan (2) dalam Qanun No. 7 Tahun 2004. Namun begitu, qanun ini telah dimansuhkan oleh Qanun Aceh No. 10 Tahun 2007. Selain itu, ia turut disebut dalam Fasal 14 Surat Menteri No. 38 Tahun 1999 serta Fasal 29,31 dan 32 Surat Gabenor No.18 Tahun 2003.

Berdasarkan undang-undang kuasa mengagih zakat di atas, Baitul Mal Aceh tidak boleh sewenang-wenangnya mengagih dana zakat. Ini kerana terdapat undang-undang yang telah menetapkan bidang kuasa Baitul Mal.

### **Jenis Agihan - Peratusan**

Jenis agihan difokuskan dalam Surat Edaran Dewan Syariah Baitul Mal Aceh No.01/DS/V/2006 :

#### **a) Peratusan Pembahagian**

Dalam pembahagian zakat, Dewan Syariah menyatakan zakat harus diberi kepada semua asnaf jika semuanya wujud pada masa tersebut. Namun amaunnya tidak semestinya sama rata. Amaun bergantung kepada jumlah masing-masing asnaf dan keperluan mereka. Dewan Syariah juga menetapkan golongan yang harus diberi perhatian adalah fakir miskin. Asnaf fakir diberi zakat dalam bentuk sara diri manakala asnaf miskin diberi dalam bentuk modal.

## **b) Ketetapan Peraturan Pembahagian untuk Provinsi**

Dewan Syariah menetapkan setiap asnaf menerima peraturan zakat yang tertentu. Asnaf fakir menerima 15%, miskin 30%, amil 10%, muafak 2.5%, riqab 0%, gharimin 10%, fi sabilillah 12.5% manakala Ibnu Sabil 20%.

## **c) Ketetapan Peraturan Pembahagian untuk Kabupaten/Kota dan Kampung/Kelurahan**

Pembahagian bagi kabupaten/kota dan kampung/kelurahan, Dewan Syariah menetapkan peratusannya perlu sesuai dengan keperluan asnaf dan kemampuan Baitul Mal setempat. Ini bermakna jika sesebuah kampung mendapat jumlah kutipan yang banyak sedangkan *mustahiq*nya sedikit, maka zakat tersebut tidak perlu diberi kesemuanya. Bahkan harus diserahkan kepada Baitul Mal kota untuk diagihkan ke kampung lain yang lebih memerlukan.

## **Agihan Produktif**

Perkara berkaitan agihan produktif ada disebut dalam Undang-undang No. 38 Tahun 1999. Selain daripada itu, Surat Menteri No. 38 Tahun 1999 ada memperuntukkan Fasal berkaitan agihan zakat produktif. Di samping itu, Qanun No. 10 Tahun 2007 turut menyebutnya.

Fokus Undang-undang No. 38 Tahun 1999 adalah tentang pengelolaan zakat di Indonesia. Perkara tersebut diperincikan dalam Fasal 16 (1), (2) dan (3) dan Fasal 17. Fasal 16 menyebut tentang bagaimana hasil kutipan zakat harus diagihkan agar keperluan *mustahiq* dapat dipenuhi. Pengagihan tersebut perlu menurut keputusan menteri tetapi tidak terpesong daripada syariat. Fasal 17 menyatakan dana bukan daripada hasil zakat misalnya sedekah, hibah, infaq, wakaf, kafarat dan dana-dana lain yang diurus oleh Baitul Mal disalurkan untuk pembangunan ekonomi. Tujuannya adalah untuk kemaslahatan dan pembangunan ekonomi masyarakat.

Selain daripada peruntukan Undang-undang No. 38/1999, Keputusan Menteri Agama dan Keputusan Dirjen Bimas Islam dan Haji turut menyebut tentang pengelolaan zakat. Hal tersebut terdapat dalam Fasal 28 dan 29.

Fasal 28 dan Fasal 29 Keputusan Menteri Agama memfokuskan agihan zakat yang utama adalah untuk golongan lapan asnaf yang disebut dalam Surah Al-Taubah ayat 60. Dana zakat yang ingin dijadikan modal kerja hendaklah memenuhi beberapa syarat terlebih dahulu. Syarat-syarat tersebut ialah pertama, pengumpulan data *mustahiq*. Kedua, mengutamakan orang yang lemah ekonominya. Ketiga, mengutamakan *mustahiq* di kawasan setempat. Keempat, semua *mustahiq* telah mendapat hak masing-masing. Kelima, dana zakat masih mempunyai baki. Keenam, melalui tapisan kelayakan, melakukan pemantauan, penilaian dan laporan.

Ringkasnya, agihan zakat dalam bentuk modal kerja mesti memenuhi syarat-syarat tertentu. Agihan dana bukan hasil zakat tidak perlu terikat dengan syarat-syarat di atas. Namun, kedua-duanya adalah untuk kemaslahatan dan pembangunan ekonomi masyarakat.

Di samping itu, terdapat peruntukan dalam Qanun No. 10 Tahun 2007 berkaitan agihan zakat dalam bentuk bantuan modal. Peruntukan tersebut terdapat dalam Fasal 29 (3). Fasal 29 (3)

menyebut tentang kaedah agihan yang akan dilaksanakan oleh Baitul Mal ditetapkan oleh Ketua Baitul Mal sendiri. Ketua Baitul Mal boleh menetapkan kaedah pengagihan dana zakat. Agihan tersebut boleh dilakukan dalam bentuk sara diri dan bentuk produktif.

Agihan dalam bentuk produktif ialah aktiviti-aktiviti keusahawanan yang boleh mendatangkan keuntungan. Antaranya ialah perniagaan, penternakan, pertukangan dan pertanian. Aktiviti-aktiviti seumpama ini boleh dijalankan jika asnaf fakir miskin mempunyai modal. Modal tersebut adalah daripada dana zakat. Oleh sebab itu, agihan produktif di sini ialah agihan dalam bentuk modal kerja. Walau bagaimanapun, aktiviti ini terserah kepada ketua Baitul Mal untuk melaksanakannya.

### **Syarat *Mustahiq* dan sebagainya**

Syarat-syarat *mustahiq* dan perkara-perkara yang berkaitan dengan zakat diperuntukkan dalam pertama, Qanun No. 10 Tahun 2007. Kedua, Surat Edaran Dewan Syariah Baitul Mal Aceh.

#### **1. Qanun No. 10 Tahun 2007**

Qanun No. 10/2007 adalah berkaitan dengan agihan zakat dalam bentuk modal daripada dana zakat. Peruntukan tersebut terdapat dalam Fasal 29.

##### **a. Asas Hukum**

Fasal 29 (1) menyebut tentang syariat Islam mesti menjadi rujukan utama dalam menentukan kaedah agihan zakat dalam bentuk sara diri dan bentuk produktif.

##### **b. Syarat *Mustahiq***

Fasal 29 (2) menyebut bahawa *mustahiq* yang berhak menerima zakat produktif mesti memenuhi syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh pemerintah. Antaranya ialah bidang perusahaan yang sesuai, diselia oleh pegawai khas dan membuat laporan perkembangan perusahaan yang dijalankan.

#### **2. Surat Edaran Dewan Syariah Baitul Mal Aceh**

Surat Edaran Dewan Syariah Baitul Mal Aceh No.01/DS/V/2006 memfokuskan tentang dua perkara. Pertama, panduan penetapan kriteria pembahagian kepada asnaf. Kedua, panduan pelaksanaan agihan zakat kepada asnaf.

Berdasarkan Surat Edaran Syariah, satu rumusan boleh dibuat. Pertama, sebarang tafsiran berkaitan zakat yang dibuat oleh Dewan Syariah adalah berpandukan al-Quran dan al-Hadis. Tafsiran berdasarkan al-Quran dan al-Hadis diwartakan dalam peraturan dan undang-undang.

Kedua, Dewan Syariah mengkategorikan empat golongan yang tidak perlu diberi zakat. Mereka adalah orang kafir, orang kaya, Ahlul Bait dan orang yang menjadi tanggung jawab muzakki. Ketiga, sebarang hal baru yang belum ditetapkan berkaitan dengan zakat akan diputuskan oleh ahli mesyuarat Dewan Syariah.

Berdasarkan peruntukan undang-undang di atas, Baitul Mal Aceh telah melaksanakan agihan

zakat produktif kepada tiga sektor. Sektor-sektor tersebut ialah penternakan lembu dan kambing, penanaman sayur-sayuran dan perniagaan kecil di pasar. Modal yang diberikan adalah antara Rp500 ribu sehingga Rp5 juta seorang. Syarat asnaf yang menerima modal ini mestilah pertama, seorang yang mempunyai semangat untuk berusaha. Kedua, berpengalaman dalam bidang yang ingin diceburi. Ketiga, mampu membayar balik modal yang diberi dalam tempoh setahun. Keempat, mesti mengikuti aktiviti-aktiviti dan program-program bagi menambah maklumat dan meningkatkan kesedaran berkaitan bidang yang diceburi.

Bayaran balik dibayar secara ansuran bulanan dan penerima modal boleh memohon pinjaman modal tambahan jika pinjaman terdahulu berjaya dilangsaikan. Namun begitu, bagi penerima yang gagal dalam usaha modal akibat musibah atau hal yang tidak disengajakan, mereka akan dibantu dengan bantuan zakat sara diri yang tidak perlu dikembalikan.

Ringkasnya, agihan zakat dalam bentuk modal kerja mesti memenuhi syarat-syarat tertentu. Agihan dana bukan hasil zakat pula tidak perlu terikat dengan syarat-syarat di atas. Namun kedua-duanya adalah untuk kemaslahatan dan pembangunan ekonomi masyarakat.

## **Penutup**

Agihan zakat dalam bentuk bantuan modal yang dilaksanakan oleh Baitul Mal Aceh adalah selari dengan Qanun Aceh. Kaedah ini dilaksanakan mengikut peruntukan undang-undang yang ditetapkan berkaitan pengagihan zakat dalam bentuk produktif. Pengagihan zakat produktif melalui pembiayaan mikro pula masih berada dalam lingkungan syarak yang dibenarkan. Maka tidak hairanlah mengapa Aceh lebih terkehadapan dalam hal berkaitan agihan zakat.

## **Bibliografi**

Keputusan Dirjen Bimas Islam dan Haji

Keputusan Gabenor Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 18 Tahun 2003

Keputusan Menteri Agama No. 373 Tahun 2003

Peraturan Daerah (PERDA) No. 5 Tahun 2000

Peraturan Gabenor No. 92 Tahun 2008

Qanun Aceh No.10 Tahun 2007

Qanun Aceh No.7 Tahun 2004

Qanun Baitul Mal Aceh No 10/2008

Surat Edaran Dewan Syariah 01/DS/V/2006

Surat Gabenor No.18 Tahun 2003.

Surat Menteri No. 38 Tahun 1999

Undang-Undang Indonesia No. 38 Tahun 1999

Undang-undang No. 11 Tahun 2006

Undang-Undang No. 44 Tahun 1999